



KENYATAAN MEDIA

PERKESO KOMITED MEMBANTU RAKYAT MALAYSIA MELALUI PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT DAN PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH)

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) komited dalam melaksana dan menjayakan inisiatif-inisiatif **Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)** yang dimandatkan kepada pertubuhan ini seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Isnin lalu.

Sebagai agensi yang menyediakan perlindungan keselamatan sosial di negara ini, PERKESO akan memastikan kebajikan golongan majikan dan pekerja yang terkesan dari segi ekonomi akibat penularan COVID-19, termasuk mereka yang bekerja sendiri, terpelihara dengan menyalurkan bantuan Kerajaan kepada kumpulan sasaran dengan segera.

Program Subsidi Upah (4.0)

Lanjutan subsidi upah yang dijenamakan sebagai **PSU 4.0** akan dilaksanakan dalam tempoh empat bulan bermula **1 Ogos 2021**, setelah permohonan untuk PSU 3.0 ditutup pada 31 Julai 2021. PSU 4.0 akan terus membantu golongan majikan dalam kesinambungan perniagaan dengan mengekalkan pekerja mereka, ketika kebanyakan sektor ekonomi masih diarahkan ditutup.

Dengan peruntukan sebanyak **RM3.8 bilion**, PSU 4.0 akan disalurkan kepada majikan yang layak dan terhad kepada **500** orang pekerja bagi setiap perusahaan. Kadar **RM600** untuk setiap pekerja dikekalkan dalam PSU 4.0 ini, yang terbuka kepada semua sektor ekonomi untuk **dua bulan pertama**, manakala **dua bulan seterusnya** adalah khusus bagi sektor-sektor di dalam kategori **senarai negatif**. Syarat permohonan subsidi ini juga telah ditambah baik di mana **tiada had gaji** pekerja ditetapkan untuk PSU 4.0 berbanding had gaji RM4,000 ke bawah dalam bantuan PSU sebelum ini. Selain itu, majikan juga disyaratkan untuk **memasukkan maklumat subsidi ke dalam slip gaji pekerja**.

PERKESO positif lanjutan PSU ini akan menepati sasaran **242,000** majikan, meliputi lebih daripada **2.5 juta** pekerja di seluruh negara. Majikan boleh membuat permohonan PSU 4.0 mulai **1 Ogos 2021 sehingga 31 Oktober 2021** dengan mengemukakan permohonan menerusi **portal PRIHATIN** di pautan <https://prihatin.perkeso.gov.my>.

PenjanaKerjaya 3.0

Ia adalah penambahbaikan dan lanjutan program PenjanaKerjaya 2.0 untuk meneruskan usaha mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan mengurangkan pengangguran dalam kalangan pekerja tempatan.

Menerusi **kategori Malaysianization** di bawah **PenjanaKerjaya 3.0**, insentif ditambah baik dengan merendahkan kadar gaji minimum daripada **RM1,500** kepada **RM1,200** sebulan untuk semua kumpulan pekerja yang digajikan bagi jawatan yang kebiasaannya diisi oleh pekerja asing.

Selain itu, **tempoh kontrak penggajian bagi semua kategori insentif** juga dikurangkan daripada **12 bulan** kepada **enam bulan** bagi kumpulan pencari kerja berumur 50 tahun ke atas, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan bekas banduan.

Di bawah PenjanaKerjaya 3.0 juga, **insentif KerjayaGig** ditambah baik dengan perluasan skop pengambilan pekerja meliputi **pekerjaan gig ataupun sementara**. Sebagai tambahan kepada kategori sedia ada, insentif ini juga kini dibuka kepada golongan **penganggur tegar**, iaitu mereka yang **menganggur lebih daripada 180 hari**.

Di samping itu, **insentif penempatan pekerjaan** untuk Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang menyokong usaha pencarian pekerjaan juga ditambah baik di mana insentif sedia ada diperluaskan kepada kategori pekerja berkemahiran rendah dengan gaji di bawah **RM3,000 sebulan**. APS yang berjaya membantu pekerja kategori ini mendapat pekerjaan, akan menerima insentif **RM100** bagi setiap penempatan.

Permohonan bagi program PenjanaKerjaya 3.0 ini akan dibuka mulai **15 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2021** dan dijangka akan menjana sebanyak **180,000** penempatan pekerjaan sehingga akhir tahun ini.

Perluasan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)

Menerusi Belanjawan 2021, Kerajaan telah memperkenalkan bantuan kewangan **SIP Prihatin** menerusi **Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)** untuk membantu pekerja yang mencarum dengan PERKESO dan kehilangan pekerjaan meneruskan kelangsungan hidup serta mendapatkan peluang pekerjaan baharu. Kini, bantuan segera ini turut diperluaskan kepada golongan **bukan pencarum PERKESO** termasuk graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal.

Bagi melayakkan mereka menerima bantuan ini, mereka perlu mendaftar di portal pekerjaan **MYFutureJobs** yang diuruskan PERKESO agar usaha pencarian pekerjaan mereka dapat dibantu dan dipantau oleh PERKESO. Pencari kerja juga perlu menghadiri sekurang-kurangnya **tiga** temuduga dalam **sebulan**, sama ada secara fizikal atau dalam talian bagi melayakkan mereka menerima insentif EMP sebanyak **RM300** sebulan selama tempoh **2 bulan**. Sekiranya pencari kerja berjaya memperoleh pekerjaan melalui portal MYFutureJobs, insentif tambahan sebanyak **RM400** akan diberikan kepada mereka. PERKESO menyasarkan seramai **229,000 pencari kerja** akan mendapat manfaat daripada bantuan ini. Pendaftaran untuk program ini akan bermula pada **15 Julai 2021**.

Soalan-soalan lazim (FAQ) bagi setiap inisiatif di bawah PEMULIH akan dimuat naik ke laman web dan media sosial rasmi PERKESO dalam masa terdekat. Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi **Careline PERKESO 1300-22-8000** atau layari laman web PERKESO di www.perkeso.gov.my.

DATO' SRI DR MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
KETUA EKSEKUTIF, PERKESO
1 JULAI 2021

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Izad Hj Raya, Ketua Pegawai Komunikasi di talian +6012 – 6377 890 atau Shafiq Adnan di talian +6018 – 324 6720